

23 NOV 1999

DR MAHATHIR TIBA DI KOTA KINABALU UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI

KOTA KINABALU, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini petang ini untuk lawatan kerja sehari.

Ketibaan Dr Mahathir yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pukul 3.40 petang, disambut oleh Ketua Menteri Datuk Osu Sukam.

Yang turut hadir ialah menteri-menteri kabinet, pembantu-pembantu menteri, ketua-ketua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan.

Sejurus selepas tiba, Dr Mahathir terus ke Kinarut, kira-kira 50km dari sini untuk upacara memecah tanah pembinaan markas Batalion Ke-16 Briges Sabah Pasukan Gerakan Am (PGA).

Pada sebelah malam, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) akan menghadiri majlis makan malam dengan ketua-ketua parti komponen BN Sabah di sini sebelum bertemu jentera pilihan raya bagi kawasan parlimen Papar, Penampang, Gaya, Tanjung Aru, Tuaran, Kota Belud, Kinabalu dan Beaufort.

Beliau dijangka mengadakan persidangan berita sebelum berlepas ke Kuching, Sarawak untuk meneruskan lawatan di sana.

-- BERNAMA

NT NMO